

Headline **Cadangan enam IPTA wujud hospital universiti dikaji**
Date **10. Feb 2008** Language **MALAY**
Media Title **Mingguan Malaysia** Page No **14**
Section **Dlm Negeri** Article Size **137** cm2
Circulation **570824** Frequency **Daily**
Readership **2498000** Color **Full Color**



Cadangan enam IPTA wujud hospital universiti dikaji

KOTA BHARU 9 Feb. - Kerajaan sedang menimbang cadangan enam institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mempunyai fakulti perubatan, untuk membina hospital universiti masing-masing, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata cadangan itu sedang dikaji untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sekiranya keadaan kewangan mengizinkan dan sekiranya kerajaan merasakan IPTA tersebut perlu memiliki hospital berkenaan.

"Pada masa ini, enam IPTA berkenaan bergantung sepenuhnya kepada hospital milik Kementerian Kesihatan bagi tujuan menyumbang khidmat dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan 25 tahun Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di sini, hari ini.

Enam IPTA itu ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Tiga IPTA yang mempunyai hospital sendiri ketika ini ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Mustapa berkata, pada masa ini Kementerian Pengajian Tinggi sedang berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri mengenai cadangan itu.

"Jika diluluskan ia akan membawa faedah kepada negara kerana hospital universiti memainkan tiga peranan serentak iaitu sebagai pusat pengajaran dan penyelidikan, perubatan serta menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai," katanya.

Menurutnya, Kampus Kesihatan USM di sini mendapat peruntukan RM400 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dan dari jumlah itu RM220 juta disalurkan kepada tiga pusat pengajiannya iaitu pergigian, kesihatan serta perubatan, dan bakinya kepada HUSM.

Mustapa berkata, Kementerian Pengajian Tinggi memperkenalkan dua pendekatan dalam usaha untuk menambah bilangan pakar perubatan yang bertugas di semua hospital universiti.

"Mulai tahun ini pihak kementerian membuat keputusan untuk menambah pengambilan mahasiswa peringkat sarjana menjadikan 600 orang setahun berbanding 400 orang sebelum ini," katanya.